- penyertaan dalam pasukan beruniform – jenis

Isi-isi

- melatih mendisiplinkan diri
- bergerak secara berkumpulan - bekerjasama
- mempunyai kesedaran diri - berdikari
- aktiviti membina mental – secara positif dan bertanggungjawab

Penutup:

- remaja perlu sertai sebagai kegiatan harian dan mengisi masa lapang

12. *Menjadi murid cemerlang merupakan cita-cita setiap orang.
Tulis cara-cara untuk menjadi murid yang cemerlang dalam pelajaran.*

- Berdisiplin
- Rajin (membaca,ulang kaji,belajar,bertanya)
- Mendengar nasihat ibu,bapa,guru
- Mengurus masa (jadual waktu)
- Teknik belajar yang betul
- Menyertai program motivasi/kecemerlangan
- Belajar daripada kesilapan
- Sentiasa positif
- Tidak berputus asa/tabah/cekal
- Solat dan berdoa
- Menghadiri kelas tambahan/tusyen
- Menjaga kesihatan/makan makanan seimbang
- Membuat rujukan di perpustakaan (catat nota penting)
- Idea-idea lain yang berkaitan boleh diterima

13. *Tulis sebuah karangan yang bertajuk “Cara-cara Menceriakan Kelas”.*

- membersihkan kelas
- menyusun kerusi dan meja
- memasang langsir
- gotong-royong
- menghias papan maklumat
- mengecat
- menyediakan sudut bacaan
- meletakkan akuarium/hiasan
- menyapu/membuang sawang
- (apa-apa tindakan yang logik boleh diterima)

Gambaran/Keperihalan

1. *Semasa kamu dan rakan-rakan sedang bermain bola sepak, tiba-tiba salah seorang daripada rakan kamu ditimpa kemalangan.
Ceritakan pengalaman kamu.*

Pendahuluan:

- bila/apa/di mana

Isi-isi cadangan:

- bola melantun ke jalan raya – Salman ingin mengambil bola itu
- terus berlari tanpa menoleh ke kanan dan ke kiri
- tiba-tiba dirempuh sebuah kereta/bas/lori/van – terpelanting
- aku/saya dan rakan-rakan terkejut/terpaku
- Salman dibawa ke hospital – darah mengalir keluar dengan banyak
- menerima rawatan api – tidak sedarkan diri/koma

Penutup:

- doakan Salman cepat sembuh
- nilai – berhati-hati

2. *Kamu mengikut ibu kamu ke majlis perkahwinan anak jiran kamu.
Ceritakan pengalaman kamu ketika berada dalam majlis tersebut.*

Pendahuluan:

- bila/di mana

Isi-isi cadangan:

- bagaimana suasana – meriah
- banyak hidangan makanan – nasi beriani, rendang, ayam masak merah, dalca, acar
- penduduk bergotong-royong
- dihiburkan oleh persembahan nyanyian
- kedengaran paluan kompang
- pengantin lelaki tiba –segak bersongket
- disambut pengantin perempuan – cantik
- duduk bersanding – bagai pinang dibelah dua

Penutup:

- sebelum pulang diberi bunga telur
- gembira

3. *Tuliskan suatu pengalaman lucu yang tidak dapat kamu lupakan.*

Pendahuluan:

- hari minggu – bersiar-siar di bandar – kawan karib

Isi-isi cadangan:

- perhentian bas – gerai surat khabar – beli surat khabar
- pergi ke kedai buku – membeli buku rujukan
- selak surat khabar – berita menarik – membaca sambil berjalan – asyik - terperosok ke dalam longkang – menjerit
- semua orang memandang – basah kuyup – tersenyum dan malu – kawan membangunkan/memimpin tangan – berjalan berdengkut-dengkut – ketawa
- baju basah kuyup – tahan teksi – pulang ke rumah

Penutup:

- serik membaca sambil berjalan
- senyum sendirian

4. *Pada cuti persekolahan yang lalu, kamu telah membantu ayah kamu berniaga. Ceritakan pengalaman kamu semasa membantu ayah kamu berniaga.*

Pendahuluan:

- membantu ayah menjaga gerai makanan
- jenis makanan yang dijual

Isi-isi cadangan:

- terdapat pelbagai jenis makanan – ada dua orang pembantu
- gerai mendapat sambutan – di tengah-tengah pekan – melayan pelanggan
- ramai pengunjung – tidak menang tangan – banyak kerenah – perlu dilayan
- bersabar – menjalankan tanggungjawab – berkeyakinan tinggi – mula menyesuaikan diri

Penutup:

- ayah memberi upah
- gembira dapat pengalaman bermakna

5. *Kamu telah menyaksikan satu kemalangan jalan raya semasa kamu dalam perjalanan pulang ke kampung pada masa cuti sekolah yang lalu. Gambarkan keadaan kemalangan jalan raya itu.*

Pendahuluan:

- bila, di mana, dengan siapa

Isi-isi cadangan:

- semasa perjalanan – kemalangan dahsyat – kereta dan van kilang
- pemandu kereta tersepit – pemandu van kilang dan penumpang cedera parah
- kemalangan jiwa
- orang ramai mengerumuni telefon pihak polis , bomba , ambulans
- anggota bomba – bantu mangsa tersepit – ambulans – bawa mangsa ke hospital – polis – kawal lalu lintas

Penutup:

- berasa ngeri
- memandu dengan berhati-hati

6. *Tulis sebuah karangan menceritakan keadaan di pantai perkelahan.*

Pendahuluan:

- nama pantai yang dikunjungi
- datang bersama-sama siapa dan kenderaan

Isi-isi cadangan:

- banyak pengujung – pelbagai kenderaan
- suasana riuh-rendah
- mendirikan khemah
- membina istana pasir – mengutip kulit siput
- bermandi-manda/memancing/main perahu layar
- menikmati juadah/membeli makanan di gerai-gerai

Penutup:

- waktu petang – meninggalkan pantai
- kenangan indah

7. *Kamu dan keluarga kamu telah bercuti selama beberapa hari di sebuah tempat peranginan di negara kita semasa cuti persekolahan yang lalu.
Tulis cerita tentang percutian kamu dan keluarga kamu yang lain.*

Pendahuluan:

- tarikh/masa/tempat bercuti/waktu bertolak

Isi-isi cadangan:

- bagaimana/cara pergi
- persiapan sebelum pergi/perjalanan
- tujuan bertujuan bercuti
- aktiviti-aktiviti di tempat percutian
- suasana di tempat percutian
- perasaan

Penutup:

- waktu pulang/berkemas
- harapan dan doa

8. *Kamu mengikut ibu bapa kamu ke sebuah pasar malam.
Ceritakan suasana ketika kamu dan keluarga kamu berada di pasar malam itu.*

Pendahuluan:

- Tarikh/masa/di mana pasar malam

Isi-isi cadangan:

- Tujuan pergi/bagaimana pergi
- Suasana di pasar malam
 - banyak gerai jualan
 - ramai penjual/pembeli
 - meriah/riuh-rendah
 - barang-barang jualan
 - harga barang jualan
- Aktiviti di pasar malam
 - berjalan-jalan
 - membeli belah
 - berjual beli/tawar-menawar
 - barang yang dibeli

Penutup:

- bila balik
- harapan

9. *Semasa mencari kayu api di dalam hutan, kamu tersesat jalan.
Gambarkan keadaan kamu pada masa itu.*

Pendahuluan:

- berkhemah di dalam hutan bersama kawan

Isi-isi

- seorang diri/menangis – berasa takut
- berlari dan menjerit – tiada siapa yang menyahut
- duduk di batang pokok/atas batu – keletihan/kehausan/kelaparan
- terdengar suara orang memanggil – gembira/semangat

Penutup:

- bersyukur – diselamatkan

10. *Kamu telah melawat ke beberapa tempat bersama-sama keluarga kamu.
Ceritakan pengalaman menarik yang kamu alami semasa lawatan itu.*

- menyatakan tempat-tempat/pengalaman yang menarik
- masa/tempat/tarikh
- sebab-sebab pengalaman itu menarik
- kesan/kebaikan/pengajaran
- perasaaan dan harapan

Autobiografi/Biografi

1. Tulis sebuah karangan “Aku Sebuah Tudung Saji”.

Pendahuluan:

- sebuah tudung saji
- dikeluarkan di sebuah kilang
- rupa cantik – berwarna-warni

Isi-isi cadangan:

- dihantar ke pusat pameran – jenama lain
- disusun – kemas dan rapi
- pasar raya – terkenal
- sentiasa dikunjungi
- melihat orang ramai – lalu-lalang
- terpancang – terpancang akan aku
- Membayar harga – dibawa pulang
- tuan baik hati – rumah cantik
- menempatkan aku di atas meja
- menggunakan aku untuk menutup makanan
- bertanggungjawab
- mencuci – badan kotor – jemur kering
- digantung pada dinding

Penutup:

- gembira – tuan yang baik
- terus berkhidmat

2. Tulis sebuah karangan bertajuk “Pak Samad Peladang Jaya”.

Pendahuluan:

- Berasal dari mana
- Apa pekerjaan
- Tinggal di mana

Isi-isi cadangan:

- Sejak bila menceburi bidang ini
- Bidang yang diusahakan
- Pertanian , penternakan
- Siapa yang membantu
- Cara pasarkan hasil pertanian dan penternakan
- Sikap
- Anugerah yang diterima

Penutup :

- Usaha yang gigih akan mencapai kejayaan

4. *Tulis sebuah karangan yang bertajuk “Kisah Seorang Guru”.*

Pendahuluan :

- siapa, tempat tinggal
- latar belakang ringkas

Isi-isi cadangan :

- tempat bertugas – berapa lama/sejak bila
- kenderaan ke sekolah
- tempat tinggal
- mata pelajaran yang diajar
- tugas/tanggungjawab di sekolah – pencapaiannya
- sikap terhadap sekolah/anak-anak murid
- kejayaan yang telah/pehah dicapai
- kelebihannya

Penutup:

- disayangi warga sekolah
- bangga menjadi guru

5. *Tulis sebuah karangan tentang rakan kamu yang baru sahaja dipilih sebagai olahragawan sekolah.*

Pendahuluan:

- siapa rakan kamu
- apa anugerah yang diterima

Isi-isi cadangan:

- bahagian sukan yang disertai
- peringkat yang diwakili
- bakat yang diasah oleh guru
- disiplin diri – tepati waktu latihan
- minat dan kecenderungan
- hobi dan minat
- pencapaian dalam pelajaran

Penutup:

- motivasi kepada rakan-rakan yang lain
- mengharumkan nama sekolah

6. *Tulis sebuah karangan yang bertajuk “Ibu yang Kusayangi”.*

Pendahuluan:

- nama ibu
- umur
- tempat dilahirkan

Isi-isi cadangan:

- sikap ibu – lemah-lembut, penyayang
- minat menyanyi, melancong, memasak
- kegemaran – makanan , minuman, warna
- kepandaian – menjahit, menggubah bunga
- hobi – membaca, mengemas rumah
- kerjaya ibu
- perasaan terhadap ibu

Penutup :

- doa dan harapan

7. *Tuliskan sebuah karangan tentang guru kelas kamu.*

Pendahuluan:

- siapa guru – nama, umur, keluarga
- menyayangi guru

Isi-isi cadangan:

- menggantikan guru yang bersara – hari pertama – takut – kemudian sayang – tidak garang tetapi tegas
- mengajarkan Bahasa Melayu – dedikasi – penerangan jelas
- kerja rumah – sedikit tetapi setiap hari – marah jika tidak buat/tidak siap
- kelas tambahan – setiap Sabtu/cuti sekolah – persediaan menghadapi UPSR
- penyayang/penyabar, bertanggungjawab ambil berat masalah murid

Penutup:

- mendoakan kesejahteraan guru
- berharap agar memperoleh 5A sebagai menghargai jasa guru

8. *Tulis karangan yang bertajuk “Aku Sebuah Basikal.”*

Pendahuluan:

- perkenalkan diri/jenama

Isi-isi cadangan:

- diperbuat daripada apa/keadaan fizikal
- dibuat di mana/di kilang di mana
- dipamer/dijual
- siapa pembeli/pengguna/tuan punya
- bagaimana sikap tuan - baik dan penyayang
 - cara penjagaan/menyediakan keperluan

Penutup:

- perjalanan riwayat hidup – rosak/terlibat kemalangan jalan raya/terus dijaga dengan baik/dibiarkan buruk/dijual dan sebagainya
- harapan

9. *Tulislah sebuah karangan yang bertajuk “Aku sebatang Penyapu”.*

Pendahuluan:

- asal-usul – tempat dibuat, bahan

Isi-isi

- setelah siap – dibungkus dan dihantar ke kedai
- tiba di kedai – diletak tanda harga
- dibeli – dibawa pulang – digunakan
- pilih nasib baik/malang

Penutup:

mengenang nasib – baik/malang

Cereka

1. Tulis cereka yang berakhir dengan perenggan yang berikut.

Razlan berjanji tidak akan bercakap besar dan sombong lagi. Dia akan mengubah sikapnya. Sikapnya selama ini membawa padah kepada dirinya. Keputusan peperiksaannya benar-benar mengecewakannya.

Pendahuluan:

- Razlan anak orang kaya – ayah ahli perniagaan terkenal

Isi-isi cadangan:

- bijak tetapi sombong – anggap diri terbaik
- suka menghina murid miskin – tidak mahu bekawan dengan mereka
- peperiksaan tinggal beberapa bulan – tidak mengulang kaji – yakin boleh berjaya dengan cemerlang
- keputusan diumumkan – Razlan gagal mendapat keputusan yang cemerlang

Penutup:

- pengajaran – tidak bersikap sombong – rajin berusaha

2. Lengkapkan karangan di bawah ini berpandukan permulaan cerita yang diberi.

Amran dan kawannya sedang dalam perjalanan pulang dari sekolah. Mereka sedang menuju ke perhentian bas yang berhampiran. Pada waktu itu, keadaan jalan raya agak lengang. Tiba-tiba...

Pendahuluan:

- sebuah kereta dipandu dengan laju – memandu dalam keadaan bahaya

Isi-isi cadangan :

- kedengaran dentuman yang kuat di selekoh – saling berpandangan – sesuatu yang buruk telah berlaku – segera berlari ke arah bunyi tersebut – orang ramai berkerumun di tempat kejadian
- terpancang sebuah motosikal – seorang pemuda terbaring di tepi jalan – cedera parah
- pemandu kereta tadi – melarikan diri – mengingati nombor pendaftaran
- membantu pemuda tersebut – tidak sedarkan diri – kawan berlari ke arah pondok telefon – orang ramai turut membantu
- ambulans dan polis tiba – bawa mangsa kemalangan ke hospital

Penutup:

- mendapat pujian daripada guru dan keluarga
- bangga dapat membantu
- pemandu kereta berjaya ditangkap

5. *Lengkapkan cerita di bawah.*

Setelah lama meredah hutan, kamu berehat sebentar di bawah pokok. Di situ kami dapat melihat...

Pendahuluan:

- meredah hutan – penat – berehat

Isi-isi

- lihat suasana hutan yang indah
- banyak serangga dan haiwan – kagum
- cuba mengenali tumbuhan, serangga, haiwan
- mengambil gambar sebagai kenangan

Penutup:

- bertolak pulang – puas dan gembira

6. *Kami sekeluarga membersihkan halaman rumah. Ketika aku mengangkat pasu bunga, aku...*

Mulakan cerita kamu dengan:

Ketika aku mengangkat pasu bunga, aku ...

- cadangan idea
- gambaran awal
- tindakan awal
- gambaran seterusnya
- tindakan seterusnya/susunan
- kesudahan cerita/pengajaran/nilai murni

7. *Akhiri karangan kamu itu dengan cerita di bawah.*

Aku melompat kegembiraan kerana usahaku selama ini tidak sia-sia.

- gambaran awal
- gambaran seterusnya
- peristiwa/apa-apa yang berlaku
- pengajaran
- kesudahan cerita
- idea-idea lain yang berkaitan boleh diterima
- (Mesti menulis ayat yang diberikan sebagai penutup cerita)

PANDUAN MENJAWAB BAHAGIAN C

1. *Panduan Am*

1. Baca arahan dengan teliti dan gariskan kata kunci.
2. Sediakan penanda wacana (selain itu, di samping itu, bukan sahaja itu, seterusnya).
3. Sediakan kata penegas (hendaklah, mestilah, perlulah, haruslah, wajarlah).
4. Calon seharusnya dapat membezakan antara isi/nilai dengan huraian.
5. Jumlah perkataan tidak melebihi 50 patah perkataan.

2 *Contoh nilai/pengajaran/amalan baik*

1.1	baik hati	1.10	kejujuran
1.2	berdikari	1.11	kerajinan
1.3	berhemah tinggi	1.12	kerjasama
1.4	hormat menghormati	1.13	kesederhanaan
1.5	kasih sayang	1.14	kesyukuran
1.6	keadilan	1.15	patriotisme
1.7	kebebasan	1.16	rasional
1.8	keberanian	1.17	semangat bermasyarakat
1.9	Kebersihan fizikal dan mental		

LATIHAN 1

Tulis *nilai murni* atau *pengajaran* yang dinyatakan dalam pernyataan yang diberi.

BIL	PERNYATAAN TERSURAT	NILAI MURNI
1	Pada setiap hujung minggu, Aminah sering membantu ibu dan ayahnya di rumah.	
2	Apabila bas tiba, Shamsiah beratur untuk menaiki bas tersebut.	
3	Selepas bangun tidur, Humairah mengemas tempat tidurnya sebelum masuk ke bilik air untuk menggosok gigi dan mandi.	
4	Jamilah mengelap meja makan selepas mereka sekeluarga selesai makan malam.	
5	Habib selalu menyimpan baki wang sakunya ke dalam tabung yang dihadiahkan oleh ayahnya.	
6	Penduduk Kampung Selayang selalu bergotong-royong membersihkan kawasan kampung mereka.	
7	Shukri menolong mengeluarkan anak kucing yang terjatuh ke dalam longkang di belakang rumahnya.	
8	Kami membersihkan kelas pada setiap hari mengikut jadual bertugas yang disediakan oleh guru kelas kami.	
9	Siti mengucapkan terima kasih atas kemurahan hati Murni memberinya buah-buahan dari kampungnya itu.	
10	Sebelum pergi ke sekolah, Haiqal bersalam dengan ibu dan bapanya terlebih dahulu.	

LATIHAN 2

Tulis *nilai murni* atau *pengajaran* yang dinyatakan dalam pernyataan yang diberi.

BIL	PERNYATAAN TERSURAT	NILAI MURNI
1	Pada hari minggu, saya dan keluarga berjoging dan beriadah di taman rekreasi.	
2	Setelah bersalaman dengan ibu dan ayahnya, Zamir mengayuh basikal dengan berhati-hati menuju ke sekolah.	
3	Daniel selalu mengejek Chua yang cacat dan hidup dalam kemiskinan.	
4	Kami tidur pada jam 10.00 malam agar dapat bangun awal untuk bersiap ke sekolah.	
5	Siti menaiki bas pergi ke sekolah. Biasanya dia sampai di sekolah sebelum jam 7.00 pagi.	
6	Mereka menggunakan lampu isyarat ketika hendak melintas jalan.	
7	Pada hujung minggu, Karim dan rakan-rakannya gemar melastik burung di tepi hutan, di hujung kampung mereka.	
8	Pada waktu rehat, semua murid pergi ke kantin untuk membeli makanan dan minuman. Mereka beratur dengan senyap ketika membeli makanan.	
9	Sebagai pengawas sekolah, Rama sering menegur murid-murid yang datang lewat ke sekolah.	
10	Setelah bersara Pak Wahab gemar berkebun. Pelbagai jenis sayur ditanam di kebunnya. Hasil tanaman itu bukan sahaja dimakan, malahan dijual dan disedekahkan kepada jiran-jiran.	

LATIHAN 3

Latihan mengecam nilai – A

1.

Ayat	Nina mandi dan kemudiannya menunaikan solat subuh.
Ulasan	

2.

Ayat	Ibu Nina sibuk menyediakan sarapan untuk mereka sekeluarga.
Ulasan	

3.

Ayat	Nina berjalan kaki dengan berhati-hati menuju ke sekolahnya.
Ulasan	

4.

Ayat	Nina bersama rakan-rakannya menyapu sampah dan menyusun meja
Ulasan	

5.

Ayat	Nina memberi hadiah kepada guru-guru yang mengajarnya sebagai tanda terima kasih atas jasa mereka.
Ulasan	

LATIHAN 4

Tulis **nilai murni** yang dapat kamu peroleh dari petikan di bawah.

LATIHAN A

Harun sering membawa bekalan makanan yang dimasak oleh ibunya. Pada waktu rehat, dia suka berkongsi makanan dengan rakan-rakannya. Rakan-rakannya selalu memuji masakan ibu Harun. Selepas menikmati kelazatan makanan tersebut, mereka mengucapkan terima kasih kepada Harun.

Ulasan

Kita mestilah mengamalkan sikap berjimat cermat dengan

_____ seperti Harun. Selain itu, kita juga hendaklah sentiasa baik hati untuk _____. Seterusnya, kita wajarlah bersyukur dan memberi penghargaan dengan cara _____.

LATIHAN B

Jason bangun pada pukul 6.00 pagi. Selesai mandi, Jason mengemaskan bilik tidurnya. Selepas itu, Jason akan ke meja makan untuk bersarapan bersama-sama ayah dan kakaknya. Sebelum ke sekolah, dia mencium tangan ibu dan ayahnya.

Ulasan

Kita patutlah berdisiplin dengan _____.
_____ seperti Jason. Di samping itu, kita juga hendaklah sentiasa berkasih sayang _____.
_____. Akhir sekali, kita wajarlah menghormati ibu bapa dengan _____.

LATIHAN 5

Tulis **lima** nilai yang dapat kamu peroleh daripada petikan di bawah.

Zalipah merupakan anak sulung dalam keluarganya. Dia seorang yang ringan tulang. Pada setiap hujung minggu, Zalipah selalu menolong ibunya melakukan kerja-kerja rumah.

Zalipah juga amat disukai dan disayangi oleh rakan-rakan dan guru-guru di sekolahnya. Dia selalu menyiapkan setiap kerja rumah yang diberikan oleh gurunya tepat pada masanya.

Selain dari menolong ibunya melakukan kerja-kerja rumah, Zalipah turut membimbing dan menunjuk ajar adik-adiknya di rumah. Ibu dan bapanya berbangga dengan sikap Zalipah yang amat bertanggungjawab terhadap diri dan keluarganya.

BIL	PERNYATAAN	NILAI MURNI
1	Dia seorang yang ringan tulang.	
2	Pada hujung minggu, Zalipah selalu menolong ibunya melakukan kerja-kerja rumah.	
3	Dia selalu menyiapkan setiap kerja rumah yang diberikan oleh gurunya tepat pada masanya.	
4	Zalipah turut membimbing dan menunjuk ajar adik-adiknya di rumah.	
5	Ibu dan bapanya berbangga dengan sikap Zalipah yang amat bertanggungjawab terhadap diri dan keluarganya.	

LATIHAN 6

Tulis **lima** nilai yang dapat kamu peroleh daripada petikan di bawah.

Amran amat meminati sukan olahraga. Cita-citanya untuk menjadi atlet olahraga kebangsaan. Oleh yang demikian, dia kerap berlatih dan bersenam di padang sekolah. Bakat dan kebolehan Amran telah diketahui oleh Cikgu Zami. Beliau sudi untuk melatih Amran.

Sejak itu, Amran mengikut semua jadual dan nasihat Cikgu Zami. Dia akan hadir awal di padang untuk menjalani latihan. Amran mengambil bahagian dalam banyak pertandingan olahraga. Dia ingin tahu kebolehannya bersaing dengan peserta yang lain.

Kini, Amran telah mencapai cita-citanya. Walaupun begitu, dia tidak memandang rendah peserta-peserta yang lain. Segala tunjuk ajar daripada Cikgu Zami tidak dilupakan. Dia bangga dan gembira akan kejayaannya.

BIL	PERNYATAAN	NILAI MURNI
1	Oleh yang demikian, dia kerap berlatih dan bersenam di padang sekolah.	
2	Sejak itu, Amran mengikut semua jadual dan nasihat Cikgu Zami.	
3	Dia akan hadir awal di padang untuk menjalani latihan.	
4	Walaupun begitu, dia tidak memandang rendah peserta-peserta yang lain.	
5	Segala tunjuk ajar daripada Cikgu Zami tidak dilupakan. Dia bangga dan gembira akan kejayaannya.	

LATIHAN 7

Tulis **lima** nilai yang dapat kamu peroleh daripada petikan di bawah.

Syukur seorang pemuda yang rajin dan pandai. Di pejabat, dia rajin bekerja dan tidak pernah mengabaikan kerjanya. Syukur tidak berbual-bual semasa waktu bekerja, tidak seperti rakan-rakannya yang lain. Kadangkala rakan-rakannya akan menyindir Syukur, tetapi dia tetap bersabar dan menganggap sindiran mereka sebagai satu gurauan sahaja.

Syukur tidak pernah mengampu ketuanya untuk mendapatkan kenaikan pangkat. Dia bekerja untuk mencari rezeki untuk diri dan keluarganya. Pada suatu hari, rakan Syukur marah-marah apabila ditegur oleh Encik Hashim, iaitu ketua mereka. Mereka menuduh Syukur yang membuat aduan kepada ketua mereka, sedangkan Syukur tidak pernah berbuat demikian.

Syukur bukan seorang yang berpura-pura. Dia dididik dengan pendidikan agama oleh ibunya. Pada suatu hari, Syukur pernah diberi sogokan supaya meluluskan suatu projek, tetapi dia tidak gelap mata. Dia mahu mencari rezeki dengan cara yang halal.

BIL	PERNYATAAN	NILAI MURNI
1		
2		
3		
4		
5		

LATIHAN 8

Tulis **lima** nilai yang dapat kamu peroleh daripada petikan di bawah.

Johar dan Jabar pasangan kembar yang sering menjadi perhatian di sekolah. Mereka sentiasa mendapat markah yang terbaik dalam setiap ujian dan peperiksaan. Masa yang terluang sering diisi dengan pelbagai perkara yang berfaedah.

Mereka sentiasa membantu guru-guru menyempurnakan tugas-tugas dan berbincang dengan rakan-rakan tentang pelajaran. Dalam bidang kokurikulum mereka selalu melibatkan diri dengan pelbagai aktiviti dan pertandingan seperti perkhemahan dan perbahasan. Mereka selalu mewakili sekolah dalam pelbagai pertandingan dan sering berjaya menjadi juara.

Pada waktu lapang, keluarga mereka selalu pergi melawat ke tempat yang menarik. Mereka seronok dan bahagia dapat melakukan aktiviti keluarga bersama-sama.

Mereka juga tidak lupa pulang ke kampung menjenguk datok dan nenek, dan juga tidak ketinggalan menghadiri pelbagai jemputan majlis sanak-saudara atau sahabat-handai.

BIL	PERNYATAAN	NILAI MURNI
1		
2		
3		
4		
5		

LATIHAN 9

Tulis **lima** nilai yang dapat kamu peroleh daripada petikan di bawah. Panjangnya jawapan kamu mestilah tidak lebih daripada 50 patah perkataan.

Tulis jawapan kamu dalam satu perenggan.

Setiap hari Isnin, Zuriah akan menemani ibunya ke pasar malam. Zuriah pergi dengan rela hati. Dia akan berjalan di bahu jalan kerana jalan menuju ke pasar malam sibuk dengan pelbagai jenis kenderaan.

Di pasar malam, Zuriah melihat peniaga sudah mula menjual seawal jam 5.00 petang. Zuriah dan ibunya terus ke gerai menjual ikan. Penjual ikan melayan pelanggan dengan baik. Mereka tidak marah sekiranya ikan tidak jadi dibeli.

Selepas membayar harga ikan, Zuriah dan ibunya ke gerai yang lain pula. Zuriah terpengang seorang wanita buta sedang meminta sedekah. Zuriah berasa kasihan melihat wanita itu. Dia terus memberikan wang sebanyak RM5.00 kepada wanita buta itu dengan ikhlas. Setelah selesai membeli barang, Zuriah dan ibunya pulang ke rumah.

Kata bantu	Nilai / Pengajaran	Kata hubung	Huraian	Penanda wacana
mesti		untuk	menemani ibu ke pasar malam	Selain itu,
hendak		dengan	berjalan di bahu jalan kerana jalan sibuk	Di samping itu,
patut		misalnya	melayan pelanggan dengan baik	Seterusnya
perlu		dengan	berasa kasihan melihat wanita itu	Akhirnya,
wajar		dengan	memberikan wang sebanyak RM5.00 kepada wanita buta itu dengan ikhlas	

LATIHAN 10

Tulis **lima** nilai yang boleh didapati daripada petikan di bawah.

Samirah menunggang basikal dengan berhati-hati untuk pulang ke rumah selepas tamat waktu persekolahan. Sebaik sahaja tiba di rumah dia memberi salam terlebih dahulu. Kemudian, dia menyimpan basikal dan menyusun kasut di dalam rak kasut.

Sebelum makan, Samirah menyalin pakaian sekolahnya terlebih dahulu. Selepas makan, Samirah mencuci pinggan dan mengemas meja makan. Kemudian dia berehat sebentar sambil membaca surat khabar untuk mengetahui perkembangan semasa.

Pada waktu malam, Samirah akan menyiapkan kerja sekolahnya terlebih dahulu sebelum mengulang kaji pelajaran. Sebelum masuk tidur, dia akan menyusun buku pelajarannya mengikut jadual waktu yang ditetapkan. Samirah selalu masuk tidur awal supaya tidak tergesa-gesa pada hari esoknya.

Kata bantu	Nilai / Pengajaran	Kata hubung	Huraian	Penanda wacana
mesti	berhemah tinggi	dengan		Selain itu,
hendak	hormat menghormati	agar		Di samping itu,
patut	berdisiplin	untuk		Seterusnya
perlu	bertanggungjawab	dengan		Akhirnya,
wajar	menghargai masa	misalnya		

LATIHAN 11

Tulis **beberapa** pengajaran yang dapat kamu peroleh daripada petikan di bawah. Panjangnya jawapan kamu mestilah **tidak kurang daripada 50 patah perkataan**. Tulis jawapan kamu dalam **satu perenggan**.

Semasa kakak pergi bekerja, adik telah masuk ke bilik kakak dan bermain-main di situ. Sedang asyik bermain, tiba-tiba adik ternampak sebuah cenderamata kepunyaan kakak yang diperbuat daripada kaca. Cenderamata itu ialah pemberian kawan kakak yang baru pulang dari luar negara.

Saya telah melarang adik supaya tidak bermain-main dengan cenderamata itu tetapi adik tidak mengendakkannya. Tiba-tiba, cenderamata itu terlepas dari tangan adik dan terhempas di lantai lalu pecah berderai. Emak memarahi adik.

Sebelah petang, kakak pulang dari tempat kerja. Kakak sungguh sedih apabila mengetahui cenderamata kesayangannya telah pecah. Adik meminta maaf dan berjanji tidak akan mengusik barang-barang kepunyaan kakak lagi.

Penanda Wacana	Nilai murni /pengajaran/ amalan baik	Ayat daripada petikan

Salin semula dalam satu perenggan.

LATIHAN 12

Tulis **lima** pengajaran yang dapat kamu peroleh daripada petikan di bawah.
 Panjangnya jawapan kamu mestilah **tidak kurang daripada 50 patah perkataan**.
 Tulis jawapan kamu dalam **satu perenggan**.

Nadia murid yang sentiasa mengambil berat tentang pelajarannya. Pada masa yang sama dia mempunyai pelbagai hobi. Mengumpul setem adalah antara hobi yang paling digemarinya. Dia memiliki lima buah album setem yang disimpan dalam almari yang berkunci. Setem-setem yang dikumpulkannya diperolehi daripada beberapa buah negara. Nadia bertukar-tukar setem dengan kawan-kawan sekolahnya dan sahabat pena dari negeri-negeri di Malaysia dan luar negara. Kini, dia memiliki pelbagai setem dan mempunyai ramai kawan. Melalui hobinya, Nadia dapat mengetahui berbagai-bagai maklumat tentang negara luar seperti mata wang, kebudayaan, makanan dan pemimpin negara. Dia amat gembira kerana hobinya mendatangkan banyak faedah. Di samping itu, dia dapat mengelakkan dirinya daripada terlibat dengan perkara-perkara yang tidak bermanfaat dan membuang masa.

Penanda Wacana	Nilai murni /pengajaran/ amalan baik	Cerita daripada petikan

Salin semula dalam satu perenggan.

LATIHAN 13

Tulis **lima** nilai yang dapat kamu peroleh daripada petikan di bawah.

Panjangnya jawapan kamu mestilah **tidak kurang daripada 50 patah perkataan**.

Tulis jawapan kamu dalam **satu perenggan**.

Ketika berjalan ke sekolah untuk menghadiri latihan sukan, aku terjumpa sebuah dompet. Aku membuka dompet itu untuk mengetahui siapa pemiliknya. Di dalam dompet itu terdapat wang yang banyak dan dokumen penting. Aku berfikir sejenak sambil melihat sekeliling sekiranya ada orang yang sedang mencari-cari dompetnya.

Tiba-tiba rakanku datang dan aku memberitahunya tentang dompet tersebut. Dia menyuruh aku mengambil sahaja dompet itu. Aku tidak berani untuk berbuat demikian. Aku teringat akan pesanan ibu bapakku agar tidak mengambil barang kepunyaan orang lain.

Aku membuat keputusan menyerahkan dompet tersebut kepada guru bertugas, iaitu Cikgu Rani. Beliau telah membawa aku berjumpa dengan guru besar. Guru besar memuji tindakan yang telah aku lakukan itu.

Penanda Wacana	Nilai murni /pengajaran/ amalan baik	Cerita daripada petikan

Salin semula dalam satu perenggan.

LATIHAN 14

Tulis **lima** pengajaran yang dapat kamu peroleh daripada petikan di bawah.
Panjangnya jawapan kamu mestilah **tidak kurang daripada 50 patah perkataan**.
Tulis jawapan kamu dalam **satu perenggan**.

- Ana : Apa khabar, Halim?
- Halim : Beransur baik sekarang. Cuma badan saya masih lemah dan tidak berselera untuk makan.
- Ana : Awak mesti makan, jangan turutkan hati. Makanan di sini berkhasiat. Kalau tak makan, bagaimana nak sihat?
- Halim : Terima kasih atas ingatan awak.
- Ana : Eh, tentulah! Kita berkawan mestilah saling mengingati.
- Halim : Apa khabar kawan-kawan kita?
- Ana : Oh, semuanya baik belaka! Mereka mendoakan supaya awak segera sembuh. Apa kata doktor tentang penyakit awak?
- Halim : Doktor mengatakan bahawa saya disyaki menghidap demam denggi.
- Ana : Oh, begitu! Penyakit demam denggi berpunca daripada nyamuk aedes. Kita mesti pastikan air tidak bertakung agar nyamuk aedes tidak membiak.
- Halim : Betul tu, Ana. Semua pihak perlu menjaga kebersihan persekitaran.
- Ana : Baiklah, Halim. Saya minta diri dulu. Saya dah berjanji dengan ibu saya untuk pulang awal. Ini ada beberapa buah buku yang boleh awak baca untuk menghilangkan rasa bosan awak.
- Halim : Terima kasih, Ana. Sekurang-kurangnya buku ini boleh mengisi masa lapang saya di sini. Berhati-hati semasa pulang. Sampaikan salam saya kepada kawan-kawan dan keluarga awak.

Penanda Wacana	Nilai murni /pengajaran/ amalan baik	Ayat daripada petikan

Salin semula dalam satu perenggan.

LATIHAN 15

Tulis **lima** nilai yang dapat kamu peroleh daripada petikan di bawah.

Panjangnya jawapan kamu mestilah **tidak kurang daripada 50 patah perkataan**.

Tulis jawapan kamu dalam **satu perenggan**.

Sang Semut sering keluar mencari makanan untuk kumpulannya. Sang Semut bersungguh-sungguh dalam menjalankan tugas yang diberikan.

Pada suatu hari, ketika Sang Semut asyik mencari makanan, Sang Semut telah terjatuh ke dalam sungai. Sang Semut dihanyutkan air dan hampir lemas.

Sang Merbuk yang melihat kejadian itu segera menjatuhkan sehelai daun agar Sang Semut dapat berpaut. Sang Semut berjaya menyelamatkan dirinya dengan bantuan Sang Merbuk.

Pada suatu petang, Sang Semut terlihat seorang pemburu sedang mengacukan senapang ke arah Sang Merbuk. Sang Semut segera menggigit kaki pemburu itu. Pemburu terkejut lalu tembakannya tersasar. Sang Merbuk segera terbang untuk menyelamatkan diri. Sang Merbuk mengucapkan terima kasih kepada Sang Semut.

Sejak peristiwa itu, Sang Semut dan sang Merbuk bersahabat baik.

Penanda Wacana	Nilai murni /pengajaran/ amalan baik	Cerita daripada petikan

Salin semula dalam satu perenggan.

LATIHAN 16

Tulis **lima** nilai yang dapat kamu peroleh daripada petikan di bawah.

Panjangnya jawapan kamu mestilah **tidak kurang daripada 50 patah perkataan**.

Tulis jawapan kamu dalam **satu perenggan**.

Sahabatku Fadhil,

Tujuan saya menulis warkah ini adalah untuk menceritakan pengalaman saya semasa menyertai lawatan ke Pulau Langkawi anjuran Kelab Bahasa Melayu sekolah saya.

Kami memperoleh ilmu pengetahuan yang banyak. Setiap detik yang dilalui, kami memanfaatkan dengan mengunjungi pelbagai tempat bersejarah seperti Beras Terbakar, Makam Mahsuri dan Pantai Pasir Hitam. Ketika menaiki Kereta Kabel Langkawi menuju ke puncak Gunung Machincang, kami kagum akan keindahan alam semula jadi. Cuacanya sejuk manakala udaranya segar dan nyaman.

Semasa di Pantai Cenang, kami meminta kebenaran untuk mandi tetapi guru pengiring melarang kami kerana ombak besar. Kami akur akan nasihat guru tersebut. Lawatan seterusnya ke 'Underwater World', iaitu tempat pelbagai jenis hidupan air dipamerkan. Kami berberis sebelum masuk untuk mengelakkan kesesakan.

Sebelum pulang kami singgah di pekan Kuah untuk membeli-belah. Saya hanya membeli barang-barang yang perlu sahaja kerana itulah yang dipesan oleh ibu. Saya juga membeli cenderamata untuk kawan-kawan dan keluarga.

Penanda Wacana	Nilai murni /pengajaran/ amalan baik	Cerita daripada petikan

Salin semula dalam satu perenggan.

Cadangan Jawapan Bahagian A

Latihan 1

SIAPA / WATAK	APA / KATA KERJA	KETERANGAN
Dua orang lelaki	memegang lembing	di atas pentas.
Seorang nenek	memegang tongkat	dan sebuah bungkusan.
Ramai penonton	menyaksikan persembahan	yang dipersembahkan.
Seorang lelaki	berbual-bual	dengan lelaki di sebelahnya.
Seorang perempuan	mencekak pinggang	bersebelahan seorang lelaki

**Jawapan lain yang sesuai boleh diterima.*

Latihan 2

SIAPA / WATAK	APA / KATA KERJA	KETERANGAN
Seorang lelaki	mengecat dinding balai raya	Menggunakan sebatang berus cat.
Seorang lelaki	membersihkan longkang	di hadapan balai raya.
Seorang lelaki	memasukkan sampah	ke dalam beg plastik.
Seorang lelaki	menolak kereta sorong	untuk membuang sampah.
Seorang wanita	menatang dulang	berisi kuih-muih.

**Jawapan lain yang sesuai boleh diterima.*

Latihan 3

SIAPA/WATAK/APA	APA/KATA KERJA	KETERANGAN
Sebuah keluarga	berkelah	di tepi pantai itu.
Seorang lelaki	bermain bola	bersama-sama anaknya.
Beberapa orang pengunjung	bermandi-mandi	dengan gembira.
Sepasang suami isteri	bersiar-siar	di tepi pantai.
Seorang kanak-kanak	menikmati hidangan	di bawah sephohon pokok.

**Jawapan lain yang sesuai boleh diterima.*

Latihan 4

SIAPA/WATAK/APA	APA/KATA KERJA	KETERANGAN
Seorang wanita	membeli sayur	di sebuah gerai.
Seorang peniaga	menimbang sayur	menggunakan alat penimbang.
Beberapa orang peniaga	menjual sayur-sayuran	di pasar itu.
Seorang peniaga	memotong daging	untuk seorang pelanggannya.
Seorang lelaki	menyusun buah-buahan	di gerai miliknya.

**Jawapan lain yang sesuai boleh diterima.*

Latihan 5

1. Seorang wanita menghulurkan wang untuk membayar harga ikan yang dibelinya.
2. Seorang penjual ikan memegang seplastik beg ikan untuk diberikan kepada pelanggannya.
3. Seorang peniaga ikan menyusun ikan-ikan di gerainya supaya kemas dan teratur.
4. Seorang peniaga daging memotong daging lembu untuk dijual kepada pelanggannya.
5. Seorang pembantu gerai menimbang daging lembu yang dibeli oleh pelanggannya.

**Jawapan lain yang sesuai boleh diterima.*

Latihan 6

1. Seorang murid perempuan membuang sampah ke dalam tong sampah.
2. Dua orang murid menikmati makanan sambil duduk di meja yang disediakan di kantin.
3. Seorang pekerja kantin menyapu lantai menggunakan sebatang penyapu agar bersih.
4. Beberapa orang murid beratur untuk menunggu giliran membeli makanan pada waktu rehat.
5. Pengusaha kantin itu menjual aiskrim kepada seorang murid perempuan di kantin.

**Jawapan lain yang sesuai boleh diterima.*

Latihan 7

1. Dua orang murid lelaki mengangkat rostrum untuk diletakkan di atas pentas.
2. Dua orang murid lelaki mengalihkan sofa dan diletakkan di hadapan pentas.
3. Dua orang murid perempuan menyusun hadiah di meja yang terletak berhampiran dengan pentas.
4. Dua orang murid perempuan memasang kain rentang pada dinding pentas.
5. Dua orang murid perempuan menyapu lantai dewan itu menggunakan penyapu supaya bersih.

**Jawapan lain yang sesuai boleh diterima.*

Latihan 8

1. Dua orang murid membuang sampah ke dalam tong sampah menggunakan pongkes.
2. Seorang murid perempuan menyiram pokok bunga di taman itu supaya segar.
3. Dua orang murid menggemburkan tanah di batas untuk menanam pokok sayur.
4. Seorang murid perempuan memberikan makanan kepada ikan-ikan di kolam sambil berdiri di atas jambatan.
5. Dua orang murid berdiri sambil melihat burung-burung di dalam sangkar.

**Jawapan lain yang sesuai boleh diterima*

Latihan 9

1. Kita hendaklah mengetahui cara melintas jalan raya dengan selamat untuk mengelakkan kemalangan berlaku.
2. Kita perlu menggunakan jejantas semasa melintas jalan raya untuk keselamatan diri.
3. Kita perlu menggunakan lampu isyarat untuk pejalan kaki semasa melintas jalan raya.
4. Pengawal lalu lintas sedang mengawal lalu lintas di hadapan sekolah supaya murid-murid melintas jalan raya dengan selamat.
5. Seorang dewasa memimpin tangan kanak-kanak semasa melintas jalan raya untuk mengelakkan berlakunya kecelakaan.

**Jawapan lain yang sesuai boleh diterima.*

Latihan 10

1. Empat orang budak lelaki bermain guli di halaman rumah dengan kawan-kawannya.
2. Seorang wanita menyidai pakaian pada ampaian di hadapan rumahnya.
3. Dua orang kanak-kanak bermain anak patung di hadapan rumah mereka.
4. Seorang penjual aiskrim menceduk aiskrim dan memasukkannya ke dalam kon.
5. Seorang lelaki mengayuh basikalnya menuju ke rumah itu.

**Jawapan lain yang sesuai boleh diterima.*

Latihan 11

1. Seorang kanak-kanak lelaki dan perempuan bermain bunga api di halaman rumah.
2. Seorang lelaki bersalam-salaman dengan tetamunya di hadapan pintu rumahnya.
3. Seorang perempuan menatang pinggan yang berisi sate untuk dihidangkan kepada tetamunya.
4. Seorang wanita yang berkaca mata memberikan duit raya kepada sekumpulan kanak-kanak.
5. Dua orang tetamu sedang makan juadah yang disediakan di atas meja.

**Jawapan lain yang sesuai boleh diterima.*

Latihan 12

1. Seorang wanita menggoreng mi menggunakan sebuah kualiti di dapur untuk hidangan keluarganya.
2. Seorang lelaki meletakkan sebuah jag berisi minuman di atas sebuah meja makan.
3. Seorang budak perempuan memotong sayur menggunakan sebilah pisau untuk hidangan ahli keluarganya.
4. Seorang budak lelaki menyusun pinggan di atas sebuah meja makan untuk persediaan makan tengah hari.
5. Seorang budak lelaki mencuci tangannya di singki agar tangannya bersih sebelum menikmati makanan.

**Jawapan lain yang sesuai boleh diterima.*

Latihan 13

1. Seorang lelaki tua duduk di sebuah bangku sambil membaca senaskhah surat khabar .
2. Seorang budak lelaki menikmati sebatang ais krim di taman pada waktu petang.
3. Dua orang budak lelaki membuang sampah ke dalam tong sampah yang disediakan di taman.
4. Beberapa orang lelaki dan perempuan bersenam di kawasan lapang di taman itu.
5. Sepasang suami isteri berjoging di taman itu pada waktu petang untuk menyihatkan badan.

**Jawapan lain yang sesuai boleh diterima.*

Cadangan Jawapan Bahagian C

LATIHAN 1

BIL	PERNYATAAN TERSURAT	NILAI MURNI
1	Pada setiap hujung minggu, Aminah sering membantu ibu dan ayahnya di rumah.	rajin/baik hati
2	Apabila bas tiba, Shamsiah beratur untuk menaiki bas tersebut.	berdisiplin/berhemah tinggi
3	Selepas bangun tidur, Humairah mengemas tempat tidurnya sebelum masuk ke bilik air untuk menggosok gigi dan mandi.	berdikari
4	Jamilah mengelap meja makan selepas mereka sekeluarga selesai makan malam.	rajin/baik hati/ bertanggungjawab
5	Habib selalu menyimpan baki wang sakunya ke dalam tabung yang dihadiahkan oleh ayahnya.	berjimat cermat
6	Penduduk Kampung Selayang selalu bergotong-royong membersihkan kawasan kampung mereka.	bekerjasama/tolong-menolong/menjaga kebersihan fizikal dan mental
7	Shukri menolong mengeluarkan anak kucing yang terjatuh ke dalam longkang di belakang rumahnya.	baik hati / kasih sayang
8	Kami membersihkan kelas pada setiap hari mengikut jadual bertugas yang disediakan oleh guru kelas kami.	bertanggungjawab/ menjaga kebersihan fizikal dan mental/ amanah
9	Siti mengucapkan terima kasih atas kemurahan hati Murni memberinya buah-buahan dari kampungnya itu.	bersyukur/menghargai
10	Sebelum pergi ke sekolah, Haiqal bersalam dengan ibu dan bapanya terlebih dahulu.	hormat- menghormati

LATIHAN 2

BIL	PERNYATAAN TERSURAT	NILAI MURNI
1	Pada hari minggu, saya dan keluarga berjoging dan beriadah di taman rekreasi.	menjaga kesihatan/rasional
2	Setelah bersalaman dengan ibu dan ayahnya, Zamir mengayuh basikal dengan berhati-hati menuju ke sekolah.	hormat-menghormati/ berhemah tinggi
3	Daniel selalu mengejek Chua yang cacat dan hidup dalam kemiskinan.	bersederhana/hormat- menghormati
4	Kami tidur pada jam 10.00 malam agar dapat bangun awal untuk bersiap ke sekolah.	berdisiplin
5	Siti menaiki bas pergi ke sekolah. Biasanya dia sampai di sekolah sebelum jam 7.00 pagi.	menghargai masa
6	Mereka menggunakan lampu isyarat ketika hendak melintas jalan.	berhemah tinggi/rasional
7	Pada hujung minggu, Karim dan rakan-rakannya gemar melastik burung di tepi hutan, di hujung kampung mereka.	kasih sayang/baik hati
8	Pada waktu rehat, semua murid pergi ke kantin untuk membeli makanan dan minuman. Mereka beratur dengan senyap ketika membeli makanan.	berdisiplin/berhemah tinggi
9	Sebagai pengawas sekolah, Rama sering menegur murid-murid yang datang lewat ke sekolah.	bertanggungjawab/berhemah tinggi/rasional
10	Setelah bersara Pak Wahab gemar berkebun. Pelbagai jenis sayur ditanam di kebunnya. Hasil tanaman itu bukan sahaja dimakan, malahan dijual dan disedekahkan kepada jiran-jiran.	rajin/baik hati/semangat bermasyarakat/kasih sayang/berhemah tinggi

LATIHAN 3

1.

Ayat	Nina mandi dan kemudiannya menunaikan solat subuh.
Ulasan	Kita hendaklah menjaga kebersihan fizikal dan mental sebelum mengerjakan solat.

2.

Ayat	Ibu Nina sibuk menyediakan sarapan untuk mereka sekeluarga.
Ulasan	Kita haruslah bertanggungjawab untuk menyediakan keperluan buat seisi keluarga.

3.

Ayat	Nina berjalan kaki dengan berhati-hati menuju ke sekolahnya.
Ulasan	Kita perlulah menjaga keselamatan diri dengan sentiasa berwaspada semasa berada di jalan raya.

4.

Ayat	Nina bersama rakan-rakannya menyapu sampah dan menyusun meja.
Ulasan	Kita sepatutnya saling bekerjasama menjalankan tugas membersihkan bilik darjah seperti Nina.

5.

Ayat	Nina memberi hadiah kepada guru-guru yang mengajarnya sebagai tanda terima kasih atas jasa mereka.
Ulasan	Kita sewajarnya menghargai jasa guru-guru dengan memberikan cenderamata buat mereka.

LATIHAN 4

Ulasan Latihan A

Kita mestilah mengamalkan sikap berjimat cermat dengan **membawa bekalan dari rumah** seperti Harun. Selain itu, kita juga hendaklah sentiasa baik hati **untuk berkongsi makanan dengan kawan-kawan**. Seterusnya, kita wajarlah bersyukur dan memberi penghargaan dengan cara **mengucapkan terima kasih**.

Ulasan Latihan B

Kita patutlah berdisiplin dengan **banqun awal pagi pada setiap hari** seperti Jason. Di samping itu, kita juga hendaklah sentiasa berkasih sayang **dengan makan bersama-sama keluarga**. Akhir sekali, kita wajarlah menghormati ibu bapa **dengan bersalaman dengan mereka sebelum kita pergi ke sekolah**.

LATIHAN 5

BIL	PERNYATAAN	NILAI MURNI
1	Dia seorang yang ringan tulang.	rajin
2	Pada hujung minggu, Zalipah selalu menolong ibunya melakukan kerja-kerja rumah.	baik hati
3	Dia selalu menyiapkan setiap kerja rumah yang diberikan oleh gurunya tepat pada masanya.	bertanggungjawab/berdisiplin
4	Zalipah turut membimbing dan menunjuk ajar adik-adiknya di rumah.	mengambil berat/prihatin/ kasih sayang
5	Ibu dan bapanya berbangga dengan sikap Zalipah yang amat bertanggungjawab terhadap diri dan keluarganya.	bersyukur

LATIHAN 7

BIL	PERNYATAAN	NILAI MURNI
1	Oleh yang demikian, dia kerap berlatih dan bersenam di padang sekolah.	rajin/berdisiplin
2	Sejak itu, Amran mengikut semua jadual dan nasihat Cikgu Zami.	berdisiplin/berhemah tinggi
3	Dia akan hadir awal di padang untuk menjalani latihan.	menepati masa/rasional
4	Walaupun begitu, dia tidak memandang rendah peserta-peserta yang lain.	bersederhanahormat- menghormati/berhemah tinggi
5	Segala tunjuk ajar daripada Cikgu Zami tidak dilupakan. Dia bangga dan gembira akan kejayaannya.	bersyukur/menghargai

LATIHAN 8

BIL	PERNYATAAN	NILAI MURNI
1	Di pejabat, dia rajin bekerja dan tidak pernah mengabaikan kerjanya	jujur/amanah/berhemah tinggi
2	Syukur tidak berbual-bual semasa waktu bekerja seperti rakan-rakannya yang lain.	menghargai masa/berdisiplin
3	Dia bekerja untuk mencari rezeki untuk diri dan keluarganya	bertanggungjawab/rasional
4	Kadangkala rakan-rakannya akan menyindir Syukur, tetapi dia tetap bersabar dan menganggap sindiran mereka sebagai satu gurauan sahaja.	tabah/berhemah tinggi
5	Pada suatu hari, Syukur pernah diberi sogokan supaya meluluskan suatu projek, tetapi dia tidak gelap mata.	berhemah tinggi/jujur/ rasional

LATIHAN 9

BIL	PERNYATAAN	NILAI MURNI
1	Masa yang terluang sering diisi dengan pelbagai perkara yang berfaedah.	menghargai masa
2	Mereka sentiasa membantu guru-guru menyempurnakan tugas-tugas dan berbincang dengan rakan-rakan tentang pelajaran.	baik hati/bekerjasama
3	Dalam bidang kokurikulum mereka selalu melibatkan diri dengan pelbagai aktiviti dan pertandingan seperti perkhemahan dan perbahasan	rajin/kebebasan
4	Mereka seronok dan bahagia dapat melakukan aktiviti keluarga bersama-sama.	bekerjasama/kasih sayang
5	Mereka juga tidak lupa pulang ke kampung menjenguk atok dan nenek, dan juga tidak ketinggalan menghadiri pelbagai jemputan majlis sanak-saudara atau sahabat-handai.	semangat bermasyarakat/ kasih sayang

LATIHAN 9

Kata bantu	Nilai / Pengajaran	Kata hubung	Huraian	Penanda wacana
mesti	rajin	untuk	menemani ibu ke pasar malam	Selain itu,
hendak	menjaga keselamatan diri	dengan	berjalan di bahu jalan kerana jalan sibuk	Di samping itu,
patut	baik hati	misalnya	melayan pelanggan dengan baik	Seterusnya
perlu	bersimpati	dengan	berasa kasihan melihat wanita itu	Akhirnya,
wajar	berhemah tinggi	dengan	memberikan wang sebanyak RM5.00 kepada wanita buta itu dengan ikhlas	

LATIHAN 10

Kata bantu	Nilai / Pengajaran	Kata hubung	Huraian	Penanda wacana
mesti	berhemah tinggi	dengan	berhati-hati ketika menunggang basikal	Selain itu,
hendak	hormat menghormati	agar	memberi salam sebelum masuk ke dalam rumah	Di samping itu,
patut	berdisiplin	untuk	menyimpan kasut ke dalam raknya/menyalin pakaian sebelum makan	Seterusnya
perlu	bertanggungjawab	dengan	mencuci pinggan dan mengemas meja makan	Akhirnya,
wajar	menghargai masa	misalnya	membaca akhbar untuk mengetahui perkembangan semasa/tidur awal	

LATIHAN 11

Penanda Wacana	Nilai murni /pengajaran/ amalan baik	Ayat daripada petikan
	amanah/berdisiplin	Semasa kakak pergi bekerja, adik telah masuk ke bilik kakak dan bermain-main di situ.
Selain itu,	menghargai/baik hati	Cenderamata itu ialah pemberian kawan kakak yang baru pulang dari luar negara.
Di samping itu,	mendengar nasihat/ patuh/jujur	Saya telah melarang adik supaya tidak bermain-main dengan cenderamata itu tetapi adik tidak mengendahkannya.
Seterusnya,	berhati-hati	Cenderamata itu terlepas dari tangan adik dan terhempas di lantai lalu pecah berderai.
Akhirnya,	berhemah tinggi	Adik meminta maaf dan berjanji tidak akan mengusik barang-barang kepunyaan kakak lagi.

LATIHAN 12

Penanda Wacana	Nilai murni /pengajaran/ amalan baik	Cerita daripada petikan
	prihatin	Nadia murid yang sentiasa mengambil berat tentang pelajarannya.
Selain itu,	mengisi masa lapang/ kebebasan	Mengumpul setem adalah antara hobi yang paling digemarinya.
Di samping itu,	menghargai	Dia memiliki lima buah album setem yang disimpan dalam almari yang berkunci.
Seterusnya,	rasional/semangat bermasyarakat	Melalui hobinya, Nadia dapat mengetahui berbagai maklumat tentang negara luar seperti mata wang, kebudayaan, makanan dan pemimpin negara.
Akhirnya,	berhemah tinggi/ berdisiplin/berdikari	Di samping itu, dia dapat mengelakkan dirinya daripada terlibat dengan perkara-perkara yang tidak bermanfaat dan membuang masa.

LATIHAN 13

Penanda Wacana	Nilai murni /pengajaran/ amalan baik	Cerita daripada petikan
	rasional/keberanian	Aku membuka dompet itu untuk mengetahui siapa pemiliknya.
Selain itu,	Jujur/amanah	Tiba-tiba rakanku datang dan aku memberitahunya tentang dompet tersebut. Dia menyuruh aku mengambil sahaja dompet itu.
Di samping itu,	mendengar nasihat/ patuh/berdisiplin	Aku teringat akan pesanan ibu bapaku agar tidak mengambil barang kepunyaan orang lain.
Seterusnya,	berhemah tinggi	Aku membuat keputusan menyerahkan dompet tersebut kepada guru bertugas, iaitu Cikgu Rani.
Akhirnya,	penghargaan	Guru besar memuji tindakan yang telah aku lakukan itu.

LATIHAN 14

Penanda Wacana	Nilai murni /pengajaran/ amalan baik	Cerita daripada petikan
	mengambil berat	Kita berkawan mestilah saling mengingati.
Selain itu,	baik hati/kasih sayang/ hormat-menghormati	Mereka mendoakan supaya awak segera sembuh.
Di samping itu,	menjaga kebersihan fizikal dan mental/prihatin	Semua pihak perlu menjaga kebersihan persekitaran.
Seterusnya,	berdisiplin/hormat- menghormati	Saya dah berjanji dengan ibu saya untuk pulang awal.
Akhirnya,	menghargai masa	Sekurang-kurangnya buku ini boleh mengisi masa lapang saya di sini.

LATIHAN 15

Penanda Wacana	Nilai murni /pengajaran/ amalan baik	Cerita daripada petikan
	bertanggungjawab	Sang Semut sering keluar mencari makanan untuk kumpulannya.
Selain itu,	rajin	Sang Semut bersungguh-sungguh dalam menjalankan tugas yang diberikan.
Di samping itu,	baik hati/kasih sayang/ kerjasama	Sang Merbuk yang melihat kejadian itu segera menjatuhkan sehelai daun agar Sang Semut dapat berpaut.
Seterusnya,	kebebasan	Sang Semut berjaya menyelamatkan dirinya dengan bantuan Sang Merbuk.
Akhirnya,	menghargai	Sang Merbuk mengucapkan terima kasih kepada Sang Semut.

LATIHAN 16

Penanda Wacana	Nilai murni /pengajaran/ amalan baik	Cerita daripada petikan
	rasional	Kami memperoleh ilmu pengetahuan yang banyak.
Selain itu,	menghargai masa/ patriotisme	Setiap detik yang dilalui, kami manfaatkan dengan mengunjungi pelbagai tempat bersejarah.
Di samping itu,	menghargai keindahan alam/kesyukuran	Kami kagum akan keindahan alam semula jadi. Cuacanya sejuk manakala udaranya segar dan nyaman.
Seterusnya,	berhemah tinggi/berdisiplin/ hormat-menghormati	Semasa di Pantai Cenang, kami meminta kebenaran untuk mandi tetapi guru pengiring melarang kami kerana ombak besar.
Akhirnya,	baik hati/kasih sayang	Saya juga membeli cenderamata untuk kawan-kawan dan keluarga.